



قِبَابَةُ سِتِيَاوَسْمَا كِرَا جَان تَرَنْغَانُو

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU
(DEWAN UNDANGAN NEGERI)
TINGKAT U2, BLOK PODIUM,
WISMA DARUL IMAN,
20503 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-623 1957 samb. 6238 / 6239
Faks : 09-623 6957
Emel : sudewan@terengganu.gov.my

SUK.TR. 192/01/18/02 Jld. 19 - (15)

Tarikh : 17 Mei 2017

Bersamaan : 20 Syaaban 1438

Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan
Badan-Badan Berkanun Negeri/Persekutuan dan
Penguasa Tempatan Dalam Negeri

Y. Bhg. Dato'/Tuan,

PINDAAN TARIKH HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pentadbiran ini telah menerima surat daripada Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Hari Keputeraan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong yang disambut pada hari Sabtu minggu pertama bulan Jun setiap tahun dipinda kepada **hari Sabtu minggu terakhir bulan Julai** sepanjang 5 tahun pemerintahan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V bermula dari tahun 2017 hingga tahun 2021.

3. Oleh yang demikian, Hari Keputeraan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong bagi tahun ini dipinda daripada 3 Jun 2017 (Sabtu) kepada **29 Julai 2017 (Sabtu)** manakala **30 Julai 2017 (Ahad)** sebagai hari cuti ganti.

4. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini diedarkan semula Jadual Hari-Hari Kelepasan Am bagi Negeri Terengganu Tahun 2017 yang telah dibuat pindaan untuk makluman Y. Bhg. Dato'/Tuan. Surat pentadbiran ini, SUK. TR. 240/1 Bhg. 18 bil. (42) bertarikh 18 September 2016 dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "


Saya yang menurut perintah,

(ZULKIFLY BIN ISA)

Setiausaha
Dewan Undangan Negeri Terengganu
b.p. Setiausaha Kerajaan
TERENGGANU

1

"Kesempurnaan Kerja Tanggungjawab Kami"



Visit Beautiful
Terengganu
Malaysia 2017

Salinan kepada :

- Ketua Setiausaha Negara
Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri, Aras 4 Timur, Bangunan Perdana Putra
62502 Putrajaya
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia
Kuala Lumpur
- Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Kuala Lumpur
- Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia
Kuala Lumpur
- Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
- Pesuruhjaya Penjara Malaysia
Kuala Lumpur
- Semua Y.B. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu
- Semua Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri
Terengganu
- Yang Di-Pertua Dewan Peniagaan
Terengganu
- Semua Pengurus Bank
Negeri Terengganu
- Fail timbul